

D428

U 8609 DEB

MAHATHIR-LAWAT

KUCHING, 20 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH MOHAMED ALI PETANG INI MELAWAT MUZIUM NEGERI SARAWAK DI SINI.

MEREKA DIIRINGI OLEH KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD DAN ISTERI, DATIN PATINGGI HAJAH LAILA.

SEPANJANG LAWATAN LEBIH SEJAM ITU, PARA TETAMU NEGERI ITU DIBERI PENERANGAN OLEH PENGARAH MUZIUM NEGERI, ENCIK LUCAS CHIN.

PADA AKHIR LAWATAN, PERDANA MENTERI MENANDATANGANI BUKU PELAWAT. DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED DAN DATUK SERI DR. SITI HASMAH TIBA DI SINI PAGI INI KERANA LAWATAN RASMI EMPAT HARI. -- BERNAMA.
1834MST 20 08 85